

**KELESTARIAN PERJUANGAN KONGRES WANITA INDONESIA (KOWANI):
ANALISIS PADA MASA KOLONIAL DAN PASCAKOLONIAL**

oleh

PUJIATI

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

JUN 2007

PENGHARGAAN

Alhamdulillah berkat rahmat, pertolongan dan kurnia Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam kepada baginda Nabi Muhammad S.A.W tesis ini dapat diselesaikan dengan kerjasama dan bantuan pelbagai pihak. Untuk itu saya ucapkan terima kasih khususnya kepada pihak-pihak berikut:

1. Penyelia saya Prof. Wazir Jahan Karim, Dr. Norhafizah Selamat dan terutamanya penyelia utama iaitu Prof. Madya Maznah Mohamad yang telah banyak membantu dalam membimbing saya secara terus menerus dengan penuh motivasi dan cabaran yang positif baik ringan mahupun berat agar tesis dapat ditulis secara berkualiti untuk peringkat Doktor Falsafah.
2. Pengarah Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita Prof. Madya Datin Rashidah Shuib sebagai penyelia bersama saya. Beliau telah memberi motivasi dan sokongan pada saat saya sudah mahu berundur diri dari Universiti Sains Malaysia disebabkan banyaknya masalah dan lamanya tempoh pengajian yang saya jalani serta kesungguhan beliau untuk membimbing daripada segi idea secara sistematik dan gaya penulisan ilmiah dalam bahasa Malaysia sehingga tesis ini dapat diserahkan ke IPS.
3. Pentadbir Universiti Sains Malaysia, Dekan Institut Pengajian Siswazah dan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti pengajian ini.
4. Universitas Sumatera Utara, Rektor Universitas Sumatera Utara dan Dekan Fakultas Sastera Universitas Sumatera Utara, tempat penyelidikan bekerja

sebagai pensyarah sejak tahun 1988 sehingga kini selama lebih kurang 18 tahun, atas segala sokongannya baik moral mahupun kewangan.

5. Seluruh responden di Indonesia dan ahli jawatankuasa KOWANI yang telah ditemuduga untuk membantu dan memberi data sesuai dengan keperluan kajian ini.
6. Kepada sahabat saya yang menjadi ahli di ISDEV USM, Khairunnisa, M. Nuhung, M.Husnan, Mawar, Rusmawati, Rosyidah dan teristimewa Marsita yang telah bertungkus lumus membantu saya tahap akhir penyelesaian tesis dan seluruh sahabat saya yang tidak mungkin dapat sebutkan satu persatu . Tidak lupa juga buat seluruh kakitangan Kanita yang membantu dan memberi kemudahan kepada saya dalam menyelesaikan tesis.
7. Penghargaan yang setinggi-tingginya kepada keluarga penyelidik, ayah yang tercinta Haji A. Chalid Husin dan emak Hajjah Fauziah serta yang tersayang ketiga-tiga anakku (M.Rizqo Mubarak, Ahmad Dzaki Ridho dan Fikri Muhammad) yang telah memberi dorongan baik dalam bentuk moral, kewangan, kesabaran, kasih sayang yang sepenuhnya serta pengorbanan yang tak terhingga sehinggalah tesis ini dapat diselesaikan.

Wassalam

Pujiati,
USM, 27 Jun 2007.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI KEPENDEKAN KATA	xi
SENARAI JADUAL	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	PENGENALAN	1
1.2	LATAR BELAKANG KAJIAN	9
1.3	PERNYATAAN MASALAH	23
1.4	PERSOALAN KAJIAN	27
1.5	OBJEKTIF KAJIAN	27
1.6	SKOP DAN BATASAN KAJIAN	28
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN BAGI ILMU SAINS SOSIAL	29
1.8	SUMBANGAN KAJIAN	30
1.9	KAEDAH PENYELIDIKAN	32
1.9.1	Sumber Data Sekunder	32
1.9.2	Sumber Data Primer	33
1.9.2.1	Dokumen Asal	33
1.9.2.2	Temubual	33
1.9.2.3	Pemerhatian Ikut serta	35
1.9.3	Analisis Data	37
1.10	ORGANISASI BAB DALAM TESIS	38

1.11	KESIMPULAN	40
BAB 2: SOROTAN KARYA, PENDEKATAN TEORITIKAL DAN KONSEP		
2.1	PENGENALAN	43
2.2	KAJIAN-KAJIAN LEPAS	43
2.3	PENDEKATAN TEORETIKAL DAN KERANGKA TEORI	53
2.4	DEFINISI/ KONSEP	61
2.4.1	Pergerakan Sosial	61
2.4.2	Pergerakan Feminisme	62
2.4.3	Konsep Feminisme Dalam Pelbagai Aliran	66
2.4.4	Aliran Feminisme Peribumi Dan KOWANI	70
2.4.5	Kelestarian	84
2.4.6	Pembangunan wanita Indonesia	85
2.4.7	Negara (<i>State</i>)	88
2.5	KESIMPULAN	91
BAB 3: PERMULAAN KOWANI		
3.1	PENGENALAN	94
3.1.1	Kesedaran Anti Kolonial	95
3.1.2	Kongkongan Adat	100
3.1.3	Dorongan Daripada Persatuan Dan Pergerakan Sosial Yang Lain	105
3.2	KEPEMIMPINAN KOWANI	107
3.2.1	Gaya kepimpinan	107
3.2.2	Personaliti Dan Latar Belakangnya	109
3.2.2.1	R.A Sukonto	110
3.2.2.2	Nyi Hadjar Dewantoro	112

3.2.2.3	Sujatin Kartowijono	115
3.2.3	Tujuh Organisasi Pengasas KOWANI	120
3.3	CABARAN AWAL : KONFLIK LUARAN DAN DALAMAN	128
3.3.1	Konflik-konflik Luaran Organisasi	129
3.3.2	Konflik-konflik Dalaman Organisasi	131
3.4	FALSAFAH KOWANI	133
3.5	UNSUR FEMINISME DALAM PERJUANGAN KOWANI	135
3.6	KESIMPULAN	137
BAB 4: KOWANI PADA ZAMAN KOLONIAL (1928-1945)		
4.1	PENGENALAN	141
4.2	HUBUNGAN KOWANI DENGAN PEMERINTAH BELANDA	142
4.3	FEMINISME KOWANI PADA MASA KOLONIAL	143
4.3.1	Reformasi Pendidikan Wanita	145
4.3.2	Reformasi Undang-Undang	151
4.3.2.1	Perkahwinan Bawah Umur, Poligami Dan Perceraian	153
4.3.2.2	Pembanterasan Perdagangan Wanita Dan Pelacuran	156
4.3.2.3	Menambah Anggota Polis Wanita	157
4.3.2.4	Wanita Menjadi Anggota Badan Penapis Filem	157
4.3.2.5	Kesejahteraan Para Ibu Tunggal	157
4.3.3	Reformasi Masalah Kesejahteraan Pekerja	158
4.3.4	Reformasi Politik	159
4.3.4.1	Ahli Dewan Rakyat	161
4.3.4.2	Menggerakkan Kesedaran Nasionalisme	162
4.3.4.3	Perjuangan Politik Melalui Media Massa	167
4.4	PERKEMBANGAN KOWANI SEMASA PENDUDUKAN JEPUN (1942-1945)	170

4.5	KESIMPULAN	175
BAB 5: KOWANI SELEPAS KOLONIAL, DI BAWAH PEMERINTAHAN SUKARNO (1945-1967)		
5.1	PENGENALAN	179
5.2	PENUBUHAN KERAJAAN MERDEKA	181
	5.2.1 Aktiviti Utama KOWANI Pada Peringkat Awal (1946-1950)	186
	5.2.1.1 Perjuangan Perpaduan Nasionalisme	186
	5.2.1.2 Bidang Undang-Undang, Sosial, Ekonomi Dan Pendidikan	191
5.3	AWAL KESTABILAN KERAJAAN SUKARNO	192
	5.3.1 Aktiviti Utama KOWANI Pada Awal Kestabilan Pemerintahan	194
	5.3.1.1 Membantu Persediaan Pilihan Raya	195
	5.3.1.2 Memajukan Pendidikan	199
	5.3.1.3 Penubuhan Yayasan	203
	5.3.1.4 Masalah Perkahwinan	203
	5.3.1.5 Masalah upah pekerja wanita	204
	5.3.1.6 Peringatan Seperempat Abad KOWANI	204
	5.3.1.7 Penubuhan Bank Koperasi Wanita	205
	5.3.1.8 Pembangunan Masyarakat Desa	206
	5.3.1.9 Sumbangan Pemikiran Untuk Pembentukan Korps Wanita Angkatan Darat	206
	5.3.1.10 Sokongan Dan Hubungan Kepada luar Negara	206
5.4	KOWANI MEMASUKI FASA BARU ERA PASCAKOLONIAL	208
5.5	KEJATUHAN SUKARNO	213
5.6	KESIMPULAN	218

**BAB 6: KOWANI PADA MASA PEMERINTAHAN ORDE BARU
SUHARTO (1967-1998)**

6.1	PENGENALAN	223
6.2	LATAR BELAKANG KENAIKAN SUHARTO	224
6.3	KOWANI MENJALANKAN AGENDA BARU	232
6.3.1	Agenda Kowani	234
6.4	KOWANI SEBAGAI ALAT BANTU PEMERINTAH PADA ZAMAN PEMERINTAHAN SUHARTO	244
6.4.1	Negara Memandu Agenda Pembangunan Wanita Pada Masa Pemerintahan Suharto: Kajian Kes Badan Kerjasama Organisasi Wanita (Bkow) Sumatera Utara (SUMUT)	247
6.5	CORAK KEPEMIMPINAN KOWANI	248
6.6	CORAK FEMINISME DAN CIRI PERGERAKAN KOWANI	251
6.7	KEJATUHAN SUHARTO	252
6.8	KESIMPULAN	254

**BAB 7: PERJUANGAN KOWANI PADA ZAMAN REFORMASI
(1998-2006)**

7.1	PENGENALAN	260
7.2	LATAR BELAKANG TERCETUSNYA REFORMASI DAN PERUBAHAN YANG DILALUI KOWANI	264
7.2.1	KOWANI Dan Perundingan (<i>"Mediation"</i>)	272
7.3	PERJUANGAN WANITA DAN PERTUBUHAN WANITA BARU	273
7.4	KOWANI, PEMERINTAHAN REFORMASI , PARLIMEN DAN MASYARAKAT	277
7.5	CIRI-CIRI FEMINISME KOWANI PADA MASA REFORMASI	278
7.6	KOWANI PADA MASA PEMERINTAHAN PRESIDEN BAHARUDIN JUSUF HABIBIE M. ENG (21 MEI 1998 - 20 OKTOBER 1999)	279
7.6.1	Aktiviti KOWANI Pada Masa Pemerintahan Habibie	282
7.6.1.1	Bidang Politik	282

7.6.1.2	Bidang Kebajikan Sosial Moral	286
7.6.1.3	Bidang Pendidikan	287
7.6.1.4	Bidang Kesihatan	288
7.6.1.5	Bidang Ekonomi	288
7.6.1.6	Hubungan Antarabangsa	288
7.6.2	Kejatuhan Pemerintahan Habibie	289
7.7	PERJUANGAN KOWANI PADA MASA PEMERINTAHAN PRESIDEN ABDURRAHMAN WAHID (20 OKTOBER 1999 - 23 JULAI 2001)	289
7.7.1	Aktiviti KOWANI Pada Masa Pemerintahahan Abdurrahman Wahid	291
7.7.2	Kejatuhan Presiden Abdurrahman Wahid	295
7.8	PERJUANGAN KOWANI PADA MASA PEMERINTAHAN PRESIDEN MEGAWATI SUKARNO PUTRI (23 JULAI 2001-20 OKTOBER 2004)	296
7.8.1	Aktiviti KOWANI Pada Masa Pemerintahan Megawati Sukarno Putri	298
7.9	PERKEMBANGAN KOWANI PADA MASA PEMERINTAHAN PRESIDEN SUSILO BAMBANG YUDHOYUNO (20 OKTOBER 2004-2006).	301
7.9.1	Aktiviti KOWANI Pada Masa Pemerintahan Presiden Susilo Bambang Yudhoyuno	303
7.10	KESIMPULAN	308
 BAB 8: KESIMPULAN		
8.1	PENGENALAN	315
8.2	PENEMUAN KAJIAN	321
8.2.1	Kelestarian KOWANI	321
8.2.2	Keluwesan (<i>Fleksibility</i>) Hubungan KOWANI Pada Setiap Zaman Pemerintahan	326
8.3	HALUAN DAN PENDIRIAN POLITIK KOWANI	334
8.4	CORAK FEMINISME KOWANI PADA SETIAP ZAMAN PEMERINTAHAN	338

8.5	KESESUAIAN TEORI GENDER DALAM MENERANGKAN SIFAT KOWANI	344
8.6	KESIMPULAN DAN MASA DEPAN KOWANI	350
	RUJUKAN	352
	LAMPIRAN	
	LAMPIRAN A : SOAL TEMU DUGA	366
	LAMPIRAN B : SENARAI INFORMAN	370
	LAMPIRAN C : KEPUTUSAN KONGRES PEREMPUAN INDONESIA (DOKUMEN ASAL ARKIB)	381
	LAMPIRAN D : AKTIVITI UTAMA KOWANI SEJAK MASA ERA KOLONIAL SEHINGGA PASCAKOLONIAL	389
	LAMPIRAN E : PEJABAT KOWANI	394
	LAMPIRAN F : PENGASAS TOKOH KOWANI	395
	LAMPIRAN G : SUASANA KONGRES PEREMPUAN I PADA TAHUN 1928	396

SENARAI JADUAL

	MUKASURAT
Jadual 1.1 Ahli KOWANI Dan Klasifikasi Pertubuhan Ahli KOWANI (78 Pertubuhan Wanita) Pada Tahun 1999-2006.	17
Jadual 1.2 Penyertaan Dalam KOWANI.	19
Jadual 1.3 Menyertai KOWANI Zaman Kolonial.	20
Jadual 1.4 Menyertai KOWANI Selepas Kolonial.	20
Jadual 1.5 Menyertai KOWANI Masa Reformasi.	21
Jadual 1.6 Taburan Responden Utama (<i>key Informant</i>) Mengikut Kepakaran Dan Jantina.	34
Jadual 3.1 Perbandingan Jumlah Pelajar lelaki Dan Wanita.	99
Jadual 4.1 Tujuh Bahan Penerbitan Organisasi Wanita Indonesia Pada Tahun 1930-an	168
Jadual 5.1 Jumlah Pelajar Wanita dan Lelaki di universiti.	200
Jadual 7.1 Peristiwa Reformasi Dan Pertukaran Presiden Indonesia 1998-2004.	263
Jadual 7.2 Kes Undang-undang Pada Tahun 1999-2003.	272
Jadual 7.3 Carta Aliran Kerja Organisasi KOWANI.	277

SENARAI KEPENDEKAN KATA

ABH	Asal Bukan Habibie
ABM	Asal Bukan Mega
ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
ACWO	<i>Asean Confederation Women Organisation</i>
AD	Anggaran Dasar
AMPI	Angkatan Muda pembaharuan Indonesia
AMT	Achievement Motivation Training
APBN	Anggaran Pembelanjaan Negara
ART	Anggaran Rumah Tangga
BAP	Bekal Akhir Perjalanan
BBI	Barisan Buruh Seluruh Indonesia
BBM	Bahan Bakar Minyak
BKOW	Badan Kerjasama Organisasi Wanita
BKS WAMIL	Badan Kerjasama Militer
BP4	Badan Penasehat Perkahwinan dan Penyelesaian Perceraian
BPBH	Badan Pemberantas Buta Huruf
BPPIP	Badan Perlindungan Wanita Indonesia Dalam Perkahwinan
DBD	Demam Berdarah
DKI Jakarta	Daerah Khusus Ibukota Jakarta
DPR	Dewan Perwakilan Rakyat
ELS	<i>Europease Lagere School</i>
FBSI	Federasi Buruh Seluruh Indonesia
FKPPI	Forum Komunikasi Putra Putri Purnawirawan dan Putra
FPB	<i>Personal Fabrik Bond</i>
G 30 S PKI	Gerakan 30 September 1965 Parti Komunis Indonesia
GAPI	Gabungan Pemuda dan Pemuda Indonesia
GBHN	Garis-Garis Besar Haluan Negara
GERWANI	Gerakan Wanita Indonesia
GERWIS	Gerakan Wanita Indonesia Sedar
GOLKAR	Golongan Karya
GOW	Gabungan Organisasi Wanita
HAM	Hak Asasi Manusia
HANKAM	Pertahanan Keamanan
HIS	<i>Holland Inlandsche School</i>
HWK	Himpunan Wanita Karya
ICW	<i>International Council Of Women</i>
IKWANDEP	Ikatan Wanita Antar Departemen Indonesia
IWKA	Ikatan Wanita Kereta Api
JIB	Jong Islamieten Bond
JIBDA	Jong Islamieten Bond Dames Afdeeling
KAA	Konferensi Asia Afrika
KADARKUM	Keluarga Sadar Hukum
KAGI	Kesatuan Aksi Guru Indonesia
KAMI	Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia
KAPI	Kesatuan Pelajar Indonesia
KAPPI	Kesatuan Aksi Pemuda Pelajar Indonesia
KASI	Kesatuan Aksi Sarjana Indonesia
KAWI	Kesatuan Aksi Wanita Indonesia
KDRT	Kekerasan Dalam Rumah Tangga
KKKN	Korupsi, Kronisme, Kolusi dan Nepotisme (koncoisme)
KNPI	Komite Nasional Pemuda Indonesia

KOHATI	Korps HMI Wati
KOPWANI	Koperasi Wanita Indonesia
KOSTRAD	Komando Strategi Angkatan Darat
KOWAD	Korps Wanita Angkatan Darat
KOWANI	Kongres Wanita Indonesia
KPI	Kongres Perempoean Indonesia
KPI	Koalisi Perempuan Indonesia
KPKPAI	Komite Perlindungan Golongan Wanita dan Kanak-kanak
KUDALTULI	Kerusuhan Dua Tujuh Juli
LBMK	Lembaga Bantuan Masalah Keluarga
LSM	Lembaga Swadaya Masyarakat
MENKO KESRA	Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat
MULO	<i>Meer Uitgebroid Lager Onderwijs</i>
N.U	Nahdatul Ulama
NAD	Nanggroe Aceh Darusalam
NASAKOM	Nasional Agama Dan Komunis
NCWO	<i>National Council Of Women's Organisations</i>
NGO	<i>Non Governmental organisation</i>
ORBA	Orde Baru
P2W	Pendidikan Pemberdayaan Perempuan
P4	Penataran Penghayatan Pengamalan Pancasila
P4A	Perkumpulan Pembanteras Perdagangan Perempuan
PARKIWA	Parti Kebangsaan Indonesia bagian Wanita
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBB	Parti Bulan Bintang
PDI	Parti Demokrasi Indonesia
PDI-P	Parti Demokrasi Indonesia-Perjuangan
PERSAHI	Perhimpunan Sarjana Hukum Indonesia
PERWANAS	Pergerakan Wanita Nasional
PERWANIDA	Persatuan Wanita Departemen Agama
PERWANU	Persatuan Wanita Murba
PIR	Parti Indonesia Raya
PKB	Parti Kebangkitan Bangsa
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKK	Pembinaan Kesejahteraan Keluarga
PLTN	Pembangunan Listrik Tenaga Nuklier
PMD	Pembangunan Masyarakat Desa
PMI	Palang Merah Indonesia
PNI	Parti Nasional Indonesia.
PPII	Perikatan Perkoempoelan Isteri Indonesia
PPKI	Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia
PPP	Parti Persatuan Pembangunan
PPPI	Perikatan Perkumpulan Perempuan Indonesia
PPPK (P3K)	Pertolongan Pertama Pada Masa Kecemasan
PSW	Pusat Studi Wanita
R.I	Republik Indonesia
SARBUMUSI	Serikat Buruh Muslim Indonesia
SBSI	Serikat Buruh Sejahtera Indonesia
SEKBER GOLKAR	Sekretariat Bersama Golongan Karya
SEMBAKO	sembilan Bahan Pokok
SKIS	Suara Kaum Ibu Sumatera
SKKA	Sekolah Kejuruan Keputrian Atas
SKKP	Sekolah Kejuruan Kepandaian Putri
SKP	Sekolah Kepandaian Putri
SMK	Sekolah Menengah Kejuruan

SOBSI	Sentral Organisasi Buruh Seluruh Indonesia
SPSI	Serikat Pekerja Seluruh Indonesia
STOVIA	<i>School Ter Opleiding Van Inlandshe Arsten</i>
SUPERSEMAR	Surat Perintah Sebelas Maret (Mac)
TAP MPR	Ketetapan Majelis Permusyawaratan Rakyat
TK	Taman Kanak-Kanak
TKW	Tenaga Kerja Wanita
TPA	Tempat Penitipan Anak
Tritura	Tiga Tuntutan Rakyat
UNDP	United Nation Development Project
UNTAN	Universiti Tangjung Pura
UPW	Urusan Peranan Wanita
UU 45	Undang-Undang Dasar 45
UUD	Undang-Undang Dasar
VWU	<i>Vietnam Women`s Union</i>
WIDF	<i>Women`s International Democratic Federation</i>
YBLH&MK	Yayasan Lembaga Bantuan Hukum Dan Masalah keluarga

KELESTARIAN PERJUANGAN KONGRES WANITA INDONESIA (KOWANI): ANALISIS PADA MASA KOLONIAL DAN PASCAKOLONIAL

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji kelestarian perjuangan Kongres Wanita Indonesia (KOWANI) iaitu satu organisasi payung (*umbrella organization*) yang memperjuangkan emansipasi dan mobilisasi penyertaan wanita dalam pembangunan Indonesia. Organisasi yang ditubuhkan pada tahun 1928 ini mempunyai sebanyak 78 organisasi wanita dari seluruh Indonesia dan masih wujud sehingga kini. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kelestarian perjuangan KOWANI sejak zaman kolonial sehinggalah era pascakolonial, meneliti hubungannya dengan pemerintah pada setiap zaman, serta corak feminisme KOWANI dalam perjuangannya. Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan iaitu menggunakan kaedah temu bual mendalam, pemerhatian ikut serta dan meneliti dokumen asal termasuk bahan-bahan arkib, dokumen rasmi dan laporan KOWANI. Hasil kajian mendapati bahawa faktor-faktor kelestarian perjuangan KOWANI adalah ramai ahli dan infrastruktur yang luas, keupayaan mengatasi konflik dan menjaga keharmonian, memiliki akses kepada sumber kewangan yang mencukupi dan berterusan, corak kepimpinan yang fleksibel serta hubungan yang akomodatif dengan pemerintah pada setiap zaman dan mempunyai isu-isu perjuangan yang relevan dengan aspirasi rakyat. Aspirasi KOWANI tidak dilihat sebagai ancaman oleh pemerintah walaupun KOWANI mengemukakan permintaan yang mencabar *status quo*. Ciri-ciri dan corak feminisme bertukar mengikut sistem politik pemerintahan. Pada zaman kolonial corak KOWANI bersifat "independen"(autonomi), pada zaman pasca kolonial iaitu pada akhir pemerintahan Sukarno dan sepanjang pemerintahan Suharto ia bertukar corak menjadi pergerakan diarahkan (*directed*), manakala pada era reformasi iaitu sejak tahun 1998 sehingga kini, KOWANI bertukar kembali menjadi pergerakan wanita yang

bercorak independen. Jenis feminisminya dikategorikan sebagai *maternal feminism* dan *companionate feminism*, yaitu ideologi transformasi sosial yang tidak mengeneipkan struktur sedia ada seperti keluarga dan peranan lelaki dalam masyarakat. Walaupun ideologi feminisme tidak dianggap radikal oleh organisasi feminisme yang baru, namun kelestarian perjuangan KOWANI dijangka akan berterusan kerana kedudukannya yang sudah mantap, relevan dan dianggap penting oleh pemerintah.

THE SUSTAINABILITY OF THE STRUGGLES OF THE INDONESIAN WOMEN'S CONGRESS (KOWANI): AN ANALYSIS OF THE COLONIAL AND POST-COLONIAL PERIOD

ABSTRACT

This research is to study the sustainability of the struggles of KOWANI (Indonesian Women Congress). KOWANI is an umbrella organisation which fights for the emancipation and mobilization of women in development in Indonesia. Formed in 1928 and with a current membership of 78 member women's organisations from all over Indonesia, KOWANI has been able to sustain its struggles until now. This research aims to identify factors which support the sustainability of KOWANI's struggles from the colonial to the present post colonial period, and examining KOWANI's relationships with the ruling governments as well as the types of feminism in its struggles. Qualitative methodology was used. Data were gathered using in-depth interviews, participant observation, and analysis of archival and official documents as well as KOWANI's reports. This research found that factors contributing to the sustainability of KOWANI's struggles are size of membership and KOWANI's vast infrastructure, the capacity to resolve conflicts and to maintain harmony, having access to continuous and sufficient financial resources, flexible and accommodating relationship with the ruling governments, and having issues which were seen as relevant agenda by the people. Governments did not see KOWANI as a threat even though KOWANI had made demands which were against the status quo. The features and patterns of feminism changed according to the political systems of the government in power. KOWANI was independent and autonomous during the colonial period; it then took on the quality of being more directed during the end of Sukarno's era and throughout Suharto's period, but reverted to being independent during the reformation period, from 1998 until now. The types of feminism practised by KOWANI can be categorised as maternal feminism

and companionate feminism; both resting on the ideology of transforming society without changing the existing structure such as family and the roles of men in society. KOWANI is expected to be able to sustain its struggles even though its feminist ideology may not be seen as radical enough by the new feminist organisations because of its stability, relevance and perceived importance by the government.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pembangunan wanita telah menjadi agenda perjuangan wanita di seluruh pelusuk dunia termasuk di Eropah, Amerika, Asia Tenggara dan di Indonesia. Di Eropah, perbezaan hak dan pekerjaan di antara wanita dan lelaki telah mendorong golongan wanita untuk menuntut persamaan hak (Anderson, 1983:xx).

Pergerakan wanita di Barat yang disebut *Women's Liberation* atau lebih dikenali sebagai perjuangan kebebasan wanita adalah untuk menuntut persamaan hak dengan lelaki (Bouchier, 1984:2). Gerakan feminisme ini bermula di Inggeris dan Amerika Syarikat dan kemudiannya tersebar ke merata tempat sehinggalah ke Eropah. Pergerakan feminisme wanita di Amerika digerakkan secara rasmi buat pertama kalinya apabila Konvensyen Hak-hak Wanita dianjurkan di Kota Seneca Falls pada tahun 1848. Konvensyen tersebut dipengerusikan oleh Lucretia Mott dan Elizabeth Cady Stanton (Suryochondro, 1995:33). Antara isu yang diperjuangkan oleh mereka adalah pemilikan harta bagi kaum wanita yang berkahwin, hak yang lebih luas dalam bidang pendidikan, perdagangan dan profesion serta persamaan hak dalam pilihan raya. Sejak peristiwa itu beberapa pergerakan pertubuhan wanita di Barat telah ditubuhkan antaranya ialah *League of Women Voters* dan *Federation of Business, Professional Women's Clubs*, *EQUAL Employment Opportunity Commission (EEOC)* dan sebagainya.

Pada tahun 1966 *National Organisation for Women (NOW)* ditubuhkan di Amerika (Bryson, 2003:142). Pertubuhan ini telah menuntut beberapa perkara mengenai hak asasi wanita dalam persidangannya yang kedua pada bulan November 1967. Antara tuntutanannya ialah :

- (i) Persamaan status dan hak dalam undang-undang.
- (ii) Penekanan kepada larangan terhadap diskriminasi wanita dalam pekerjaan.
- (iii) Hak asasi cuti bersalin bagi wanita bekerja dan keamanan sosial serta keuntungannya.
- (iv) Potongan cukai dan pembiayaan penjagaan anak bagi ibu bapa yang bekerja.
- (v) Pusat pemeliharaan kanak-kanak.
- (vi) Persamaan hak dalam pendidikan.
- (vii) Persamaan peluang dalam latihan bekerja dan kebenaran mengikuti latihan bagi lelaki dan perempuan.
- (viii) Wanita miskin.
- (ix) Hak asasi wanita dalam merancang keluarga.

Pergerakan wanita Amerika yang dipimpin oleh Mercy Otis Warren dan Abigail Smith Adams adalah satu pergerakan yang sangat besar pengaruhnya terhadap wanita-wanita Eropah terutamanya di Perancis. Revolusinya yang hebat telah melahirkan satu pergerakan wanita yang menuntut persamaan hak di antara wanita dengan lelaki (Jayawardena, 1983:18). Pemimpin-pemimpin mereka yang tidak gentar menghadapi maut seperti Madame Roland, Olympe de Gouges, Rose Lacombe dan Therogne de Mericout telah menyalakan semangat perjuangan wanita untuk menuntut persamaan hak tersebut. Keanggotaan pertubuhan wanita ini mencecah ribuan orang (Bainar, 1990:v). Kemunculan perjuangan wanita ini sememangnya menerima tindakbalas yang negatif daripada golongan lelaki disebabkan oleh tuntutan-tuntutan yang dianggap boleh mencabar kedudukan mereka dalam masyarakat. Akibatnya tindakan kejam telah dilakukan. Ada antara pemimpin wanita ini telah dibunuh. Contohnya, pemimpin wanita Perancis, Olympe de Gouges, telah dipancung lehernya kerana perjuangannya untuk mendapatkan hak yang sama (Jayawardena, 1983:20). Namun, pengorbanan beliau menuntut kebebasan bukanlah suatu perjuangan yang sia-sia,

malahan telah menyalakan lagi semangat wanita di negara-negara lain di Eropah dan juga di Asia (Katoppo, 1990:43).

Sepertimana yang telah dinyatakan pada awal bab ini pergerakan *women's liberation* bermula di Barat pada akhir kurun ke-19 Masihi dan bertapak pada awal kurun ke-20 Masihi. Pergerakan ini semakin kuat dan berkesan kepada masyarakat dunia pada sekitar tahun 60-an dan awal tahun 70-an. Pengaruh pergerakan ini bertujuan mencari kebebasan dan kemajuan bagi kaum wanita dalam segala bidang kehidupan mereka meliputi bidang sosio budaya, ekonomi dan juga politik.

Perjuangan wanita di Asia Tenggara pula berbeza dengan perjuangan pergerakan wanita di Barat. Perjuangan wanita di Asia Tenggara lebih menjurus kepada perjuangan politik nasional (*national politic*) untuk memperjuangkan kemerdekaan negara daripada penjajahan dan sekaligus memperjuangkan emansipasi perubahan keadaan nasib wanita serta kedudukan mereka ke arah kemajuan (Jayawardena, 1983 :40). Perjuangan wanita di Asia Tenggara telah wujud di Malaysia, Filipina, Brunei, Indonesia dan kawasan-kawasan yang lainnya di Asia Tenggara.

Perjuangan pergerakan wanita di Malaysia yang dijalankan melalui pertubuhan-pertubuhan seperti *The National Advisory Council For The Integration of Women in Development* (NACIWID), *National Council of Women's Organization* (NCWO), *Wanita United Malays National Organization* (UMNO), *Wanita Malaysian Chinese Association* (MCA), *Wanita Malaysian Indian Congress* (MIC) dan *Women's Aids Organisation* sedang memperjuangkan tuntutan supaya wanita mewakili sekurang-kurangnya 30% daripada kakitangannya dalam bidang politik, ekonomi dan sosial (Jamilah Ariffin, 2000:51).

Di Malaysia kerajaan turut mengorak langkah dengan menubuhkan Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) yang bergerak bersama-sama dengan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) iaitu persatuan payung bagi lebih daripada 40 buah pertubuhan wanita dalam usaha memajukan wanita. Persatuan-persatuan wanita ini menjalankan pelbagai aktiviti, termasuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pembangunan negara dengan cara yang lebih berkesan. Usaha Kerajaan Malaysia menubuhkan satu struktur formal untuk memberi fokus kepada isu wanita di samping penubuhan NCWO adalah selaras dengan keadaan semasa dan dalam arah negara sedang menuju ke taraf negara maju menjelang tahun 2020 (Siti Fatimah Abdul Rahman, 2000:ii).

Di Brunei Darussalam pula beberapa pertubuhan wanita telah ditubuhkan sejak tahun 1947. Pada tahun tersebut sebuah pertubuhan wanita yang bernama "*Kesatuan Kaum Ibu Melayu Pelita Brunei*" telah ditubuhkan. Anggota-anggotanya bukan sahaja terdiri daripada kaum ibu di kalangan rakyat biasa tetapi juga kaum ibu berketurunan bangsawan. Antara matlamat pertubuhan ini adalah mengangkat dan memperjuangkan kedudukan kaum wanita dalam pendidikan (Hashim Haji Abd. Hamid, 2000:116-117).

Di Filipina wujud pula pertubuhan wanita seperti *National Council of Women of the Philippines* (NCW(P) yang awalnya dikenali sebagai *Women's Civic Assembly* yang ditubuhkan pada 5 Julai 1947. Misi NCW(P) adalah untuk mengembangkan kebolehan wanita melalui pertubuhan bukan kerajaan dan mengkonsolidasikan usaha serta penyertaan mereka menuju ke arah kemajuan masyarakat dan bangsa¹.

Di Indonesia, proses pembangunan wanita telah berlangsung dalam satu jangka masa yang panjang sejak zaman kerajaan Hindu sehinggalah selepas

¹ Untuk huraian terperinci, sila rujuk, <http://www.acwo.org.affiliates.html>, diakses pada 22 April 2002.

kemerdekaan Indonesia. Proses ini bermula dengan kemunculan perjuangan wanita secara perseorangan termasuklah oleh para ratu dan pahlawan wanita Indonesia dan kemudiannya perjuangan wanita secara berkumpulan.

Antara pemimpin wanita yang berjuang secara perseorangan termasuklah Ratu Sima pada zaman kerajaan Kalingga (674 Masihi), Ratu Tribuana Tungadewi pada zaman Majapahit (1294-1525), Ratu Syafiatuddin yang telah memerintah Kerajaan Aceh selama 34 tahun daripada 1641 hingga 1675 (Zainuddin, 1961:100). Pemimpin wanita juga pernah memerintah wilayah Jepara, Jawa Tengah pada tahun 1546 iaitu Ratu Kalinyamat. Kebijaksanaan beliau dalam mengatur sistem perdagangan di wilayah Jepara telah membentuk Jepara sebagai satu pusat perniagaan maju di Jawa Tengah. Strategi mantap dan juga kegigihan beliau dalam melatih anggota tentera laut menyebabkan Ratu Kalinyamat mampu memberikan bantuan ketenteraan kepada Johor, Aceh dan Ambon ketika peperangan melawan Portugis (KOWANI, 1999:23). Senario ini memperlihatkan kemunculan beberapa pahlawan wanita di pelbagai daerah di Indonesia yang bangkit untuk memperjuangkan tanah air mereka daripada penaklukan kuasa kolonial Belanda. Antara tokoh wanita tersebut ialah Nyi Ageng Serang (1752-1828) di Purwodadi, Martha Christina Tiahahu di Ambon, Cut Nyak Dien (1850-1908) dan Cut Meutia (1870-1910) di Aceh bertujuan untuk melawan kuasa kolonial Belanda (Mukmin, 1980:71-72).

Pergerakan perjuangan untuk meningkatkan taraf hidup wanita telah dirintis oleh orang perseorangan seperti pahlawan wanita Raden Adjeng Kartini (1879-1904) dan Rahmah El Yunusiah (1901-1969) dari Padang Panjang. Sumbangan kedua-dua tokoh ini banyak tertumpu kepada perjuangan mengemansipasi pendidikan wanita Indonesia kerana mereka sedar bahawa pendidikan merupakan aspek yang sangat penting untuk membawa perubahan taraf kehidupan wanita di Indonesia.

Usaha meningkatkan kedudukan wanita melalui pendidikan telah dimulai oleh Raden Ajeng Kartini pada zaman penjajahan Belanda. Pada Julai 1903, sebuah sekolah perempuan telah dibuka di daerah Kabupaten Jepara, Jawa Tengah. Sekolah yang pada mulanya dihadiri oleh tujuh orang murid, dibuka setiap empat hari dalam seminggu. Beliau sendiri yang menyusun atur mata pelajaran yang diajar termasuklah membaca, menulis, melukis, aktiviti kraf tangan dan memasak. Beliau sendiri yang mengajar dengan dibantu oleh dua orang saudara perempuan iaitu Kardinah dan Sunatri. Beliau mengharapkan penubuhan sekolah perempuan ini akan memastikan kanak-kanak perempuan memperolehi pendidikan yang sempurna, dapat menanamkan sifat sendiri dan berketerampilan tanpa mengabaikan adat-istiadat wanita Islam Indonesia.

Usaha seperti ini juga telah dilaksanakan oleh Raden Dewi Sartika. Beliau hidup di antara tahun 1884-1947 dan merupakan anak seorang Patih ketua daerah Bandung yang bernama R. Ranga Somanagara di Jawa Barat. Pada 1905, Dewi Sartika juga berjaya membuka sekolah bagi kanak-kanak perempuan setelah mengalami pelbagai rintangan. Sekolah yang dikenali sebagai "Sekolah Isteri" atau "Sekolah Gadis" ini pada mulanya telah mendapat tentangan daripada pengurusan yang hanya dihadiri oleh anak-anak golongan bangsawan dan anak-anak pemerintah Belanda. "Sekolah Gadis" ini telah mendapat cemuhan daripada kaum wanita bangsawan sendiri kerana tarafnya yang dianggap lebih rendah daripada sekolah mereka (Ohorella, 1992:14-15). Perjuangan Raden Ajeng Kartini dalam menubuhkan sekolah perempuan ini telah banyak dibahaskan oleh tokoh-tokoh intelektual. Sesetengahnya menyokong, manakala ramai yang menentang perjuangan beliau kerana beliau dikatakan hanya berjuang melalui surat-surat yang ditulis di Jepara, Indonesia dan dikirimkan kepada sahabat wanita beliau di Belanda. Bagi penyokong perjuangan beliau pula mereka menghujahkan bahawa Kartini adalah simbol politik perjuangan emansipasi wanita terhadap sistem adat feodal. Mereka juga berpendapat

bahawa cita-cita beliau yang mulia untuk mengangkat status kaum wanita Indonesia melalui pendedahan dalam pendidikan merupakan suatu idea yang agung dan beliau patut dianggap sebagai pencetus emansipasi pendidikan wanita Indonesia. Sears (1996:37) yang menyokong perjuangan Kartini menggambarkan Kartini sebagai:

...wanita elit, didikan Belanda, telah menjadi tokoh feminis yang berabad-abad dan menjadi model untuk wanita Indonesia.

Selain daripada pendidikan ilmu umum, pendidikan ilmu agama juga telah ditekankan oleh pejuang wanita Indonesia. Kamal Hassan (1979:45) mengemukakan bahawa Islam mewajibkan wanita untuk menuntut ilmu. Pendidikan Islam antara lain menekankan konsep pendidikan seumur hidup, pembangunan potensi seluruh manusia (kognitif, afektif dan psikomotor), berperanan dwifungsi iaitu sebagai hamba Allah dan khalifah di bumi, memakmurkan seluruh alam, kesepaduan antara iman, ilmu dan amal serta kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Berdasarkan kepada prinsip ini, beberapa tokoh wanita Indonesia telah mengorak langkah untuk memberikan ilmu pendidikan agama kepada golongan wanita. Dalam aspek ini, sumbangan Rahmah El-Yunusiyah juga amat besar dalam meningkatkan status pendidikan wanita Indonesia. Beliau merupakan pengasas pendidikan wanita Islam yang menubuhkan "Madrasah Diniyah Puteri" pada November 1923 di Sumatera Barat. Pelajar-pelajar madrasah ini terdiri daripada kaum wanita muda seramai 71 orang. Perjuangan beliau memberikan ilmu pendidikan agama kepada golongan wanita diakui oleh masyarakat setempat apabila pelajar lulusan sekolah beliau telah mengisi ruang kekurangan guru agama baik di sekitar Sumatera, Jakarta mahupun di Semenanjung Malaysia dan Singapura. Antara pelajar lulusan sekolah ini yang berjaya ialah Hajah Aishah Ghani, tokoh politik wanita terkenal Malaysia yang pernah menjawat jawatan menteri kabinet Malaysia, Salmah Hussain, yang pernah menjawat jawatan Pengarah Bank Rakyat Malaysia, Datin Hj. Sakinah, bekas ketua Parti Islam Malaysia (Junaidatul Munawaroh, 2002:28).

Perjuangan para pahlawan wanita Indonesia ini diteruskan melalui organisasi dengan tertubuhnya organisasi wanita yang pertama iaitu Puteri Mardika (1912) dan diikuti oleh kemunculan berpuluh-puluh organisasi wanita yang lain. Walau bagaimanapun organisasi wanita ini berjuang secara persendirian mengikut misi organisasi masing-masing sehinggalah pada tahun 1928 apabila Kongres Wanita Indonesia pertama (KOWANI) ditubuhkan. Ini telah mencatat satu peristiwa sejarah penting bagi kesatuan pergerakan wanita Indonesia (Mukmin, 1980:82).

Penyelidikan ini merupakan julung-julung kali dibuat bagi mengkaji kelestarian Kongres Wanita Indonesia (KOWANI) iaitu sebuah pertubuhan yang memperjuangkan kepentingan wanita Indonesia sejak zaman kolonial sehingga zaman selepas kolonial masa kini. Pertubuhan KOWANI telah dipilih sebagai objek kajian ini kerana KOWANI merupakan satu gabungan beberapa persatuan atau pertubuhan payung (*umbrella organisation*) yang mewakili tunggak perjuangan pembangunan wanita Indonesia pada masa kolonial sehingga pascakolonial. KOWANI merupakan satu-satunya pertubuhan wanita yang bertahan selama lebih tujuh dekad dan wujud pada dua era pemerintahan Indonesia yang berbeza iaitu era kolonial dan era pascakolonial. Kajian ini amat bertepatan dengan perjuangan wanita kini kerana membolehkan kita melihat evolusi serta sosial sesuatu pertubuhan yang digerakkan dan dipimpin oleh golongan wanita dalam jangka masa yang begitu lama.

Sebagai bab pendahuluan, tujuan bab ini adalah untuk menjelaskan

- (i) Latar belakang kajian
- (ii) Pernyataan masalah
- (iii) Persoalan kajian
- (iv) Objektif kajian
- (v) Skop dan batasan kajian
- (vi) Kepentingan kajian

- (vii) Sumbangan kajian
- (viii) Kaedah penyelidikan
- (ix) Organisasi bab dalam tesis dan kesimpulan

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

KOWANI telah dipilih sebagai subjek kajian berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (i) KOWANI adalah satu pertubuhan yang mewakili perjuangan pembangunan wanita Indonesia pada masa kolonial dan pasca kolonial, di mana 2/3 daripada pertubuhan wanita di Indonesia telah menjadi ahli KOWANI. Sebagai pertubuhan wanita yang terbesar di Indonesia KOWANI merupakan payung (*umbrella organisation*) kepada pelbagai pertubuhan wanita Indonesia. Pada awal penubuhannya iaitu pada tahun 1928 ahli KOWANI berjumlah 30 pertubuhan wanita (Sukanti, 1984:94) tetapi pada tahun 2006 keahliannya telah meningkat menjadi 78 pertubuhan wanita dengan anggaran keahlian seramai 25 juta².
- (ii) Jika dibandingkan pada peringkat serantau, KOWANI juga merupakan pertubuhan wanita yang tertua di Asia Tenggara kerana ia ditubuhkan pada tahun 1928 semasa pemerintahan Belanda. Pertubuhan payung persatuan wanita yang lain di Asia Tenggara semuanya ditubuhkan lebih lewat daripada KOWANI. Di Malaysia, *National Council Of Women's Organisations* (NCWO) diasaskan pada tahun 1963 sedangkan Malaysia merdeka pada 31 Ogos tahun 1957. Ia dianggotai oleh 72 organisasi wanita Malaysia. Manakala NCWO di Singapura ditubuhkan pada 21 Mac 1980 selepas berpisah daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965. Ia dianggotai oleh 47 organisasi wanita. Di Thailand pula NCWO ditubuhkan pada 9 September 1956. Negara Thailand merupakan satu-satunya negara di Asia Tenggara yang tidak pernah mengalami

² Temu bual dengan Ibu Inne Sukaryo. (Ketua umum KOWANI period 1999 - 2004.) pada 10 April 2000, di Pejabat KOWANI Jl Imam Bonjol no 58 Jakarta Pusat.

penjajahan. NCWO di Filipina pula ditubuhkan pada 5 Julai 1947 selepas kemerdekaan pada 4 Julai 1946. Di Vietnam pula NCWO ditubuhkan pada 20 Oktober 1930 iaitu sebelum kemerdekaan. Negara ini merdeka pada 2 September 1945. Pertubuhan ini dikenali dengan nama '*Vietnam Women's Union* (VWU)³.

- (iii) Selepas Indonesia mencapai kemerdekaan, KOWANI telah menerima pengiktirafan terawal pada masa pemerintahan Sukarno. Lantaran itu, secara rasminya tarikh 22 haribulan Disember 1928 dirayakan sebagai tarikh kelahiran KOWANI yang dikenali juga sebagai "Hari Ibu". Peristiwa kelahiran KOWANI telah dijadikan tonggak sejarah bagi pergerakan wanita Indonesia. Keputusan untuk merayakan "Hari Ibu" itu diambil semasa kongres KOWANI yang ketiga di Bandung pada tahun 1938. Seterusnya, keputusan ini dikukuhkan dengan surat Presiden Republik Indonesia No. 316 bertarikh 16 Desember 1959 yang menjadikan hari ini sebagai hari Nasional (KOWANI, 1999:59). Walaupun tidak menjadi hari cuti am, namun semua organisasi wanita dan wanita yang bekerja dengan kerajaan akan mengadakan upacara memperingati "Hari Ibu" secara menyeluruh di seluruh negara.
- (iv) Ketetapan Majlis Permusyawaratan Rakyat (TAP MPR) Indonesia dalam Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN) menyatakan bahawa antara sumbangan yang dilakukan oleh KOWANI ialah:

Meningkatkan kualiti peranan dan kemandirian organisasi perempuan dengan tetap mempertahankan nilai persatuan dan kesatuan serta nilai historis perjuangan kaum perempuan, dalam rangka usaha keupayaan perempuan serta kesejahteraan keluarga dan masyarakat (GBHN, 1999:32).

Perjuangan wanita yang ditetapkan oleh GBHN ini mempunyai maksud yang tersirat, kerana percantuman KOWANI dalam TAP MPR tidak dinyatakan

³ Untuk huraian terperinci, sila rujuk, <http://www.acwo.org/affiliates>, diakses pada 22 April 2002.

secara jelas. Hal Ini dilihat berdasarkan tafsiran yang dibuat oleh pemimpin KOWANI iaitu Inne Soekaryo yang mengatakan bahawa:

Perkara yang menguntungkan KOWANI adalah tentang usul yang ditetapkan oleh MPR sebagaimana yang termaktub di dalam kelembagaan KOWANI secara mendalam pada GBHN 1999 sebagai salah satu cadangan pembangunan nasional⁴.

Oleh itu, TAP MPR merupakan pengiktirafan terhadap KOWANI sebagai organisasi yang memperjuangkan pembangunan wanita yang mempertahankan nilai persatuan dan kesatuan serta nilai historis perjuangan kaum wanita. Lebih penting lagi adalah hakikat bahawa KOWANI telah memainkan peranan yang penting dalam membangunkan wanita Indonesia sejak waktu penjajahan Belanda sehinggalah kini.

- (v) Latarbelakang penubuhan KOWANI juga memberi gambaran yang menarik bagi kajian ini kerana ia menunjukkan bagaimana satu pergabungan pelbagai persatuan wanita Indonesia boleh berlaku dan bagaimana asas penyatuan KOWANI tidak tergugat walaupun berlaku beberapa perubahan. Mesyuarat Kongres Wanita Indonesia yang pertama telah diadakan pada 22-25 Disember 1928 di Yogyakarta. Pada permulaan penubuhan, organisasi ini digelar Perikatan Perkumpulan Perempuan Indonesia. Ia merupakan satu tonggak sejarah penting bagi Kesatuan Pergerakan Wanita Indonesia (Nani Soewondo Soerasno, 1968:134).

Kongres ini diadakan atas inisiatif tujuh organisasi wanita tempatan Indonesia di bawah pimpinan Raden Adjeng Sukonto. Ketujuh-tujuh organisasi itu ialah :

- (i) Wanita Utomo
- (ii) Wanita Taman Siswa

⁴ Temu bual dengan Inne Soekaryo pada 10 April 2000 di Jakarta.

- (iii) Puteri Indonesia
- (iv) Aisyiyah
- (v) Jong Islamieten Bond Dames Afdeeling
- (vi) Wanita Katolik
- (vi) Jong Java Dames Afdeeling

Kongres telah diasaskan oleh tiga orang tokoh iaitu R.A Sukonto (wakil daripada pertubuhan wanita Utomo), Nyi Hadjar Dewantara (wakil daripada pertubuhan Wanita Taman Siswa) dan Sujatin (wakil daripada pertubuhan Puteri Indonesia).⁵ Dalam Kongres Perempuan Wanita Indonesia pertama pada 22-25 Disember 1928 dinyatakan bahawa:

Perkumpulan wanita Indonesia akan dibentuk federasi yang dikenali sebagai Perikatan Perkumpulan Perempuan Indonesia. Semasa pelaksanaan kongres telah hadir 30 organisasi perempuan (Arsip Nasional, 1928:2).

Keputusan-keputusan Kongres Wanita Pertama pada tahun 1928 (KOWANI, 1978:34) ialah:

- (i) Menirikan badan persekutuan bersama Perikatan Perkumpulan Perempuan Indonesia (PPPI).
- (ii) Menerbitkan akhbar. Anggota sidang pengarangnya terdiri daripada Nyi Hadjar Dewantara, Hajinah, Ali Sastroamijoyo, Ismudiyati, Badiah dan Sunaryati.
- (iii) Menyediakan biasiswa untuk membantu golongan pemuda yang tidak mampu daripada segi kewangan.
- (iv) Mempertingkatkan tahap pengakap puteri.
- (v) Mencegah perkahwinan kanak-kanak dan remaja di bawah usia 16 tahun.
- (vi) Mengirimkan memorandum kepada pemerintah supaya:
 - (vi.i) Mempercepatkan penubuhan tabung sokongan kepada janda-janda dan

⁵ Data diperoleh melalui kaedah pengamatan penyertaan pada tahun 2000 di Muzium Pergerakan Wanita Yogyakarta.

kanak-kanak

- (vi.ii) Pencen tidak ditarik balik.
- (vi.iii) Lebih banyak sekolah-sekolah puteri didirikan.
- (vii) Membuat usul kepada Raad (mahkamah) Agama Islam supaya setiap talak dikuatkuasakan secara bertulis sesuai dengan peraturan agama.

Menurut Nani Soewondo Soerasno (1968:34), kongres KOWANI pada tahun 1928 telah dipimpin oleh Nj. Soekonto. Tujuh perkumpulan wanita yang tersebut di atas mempelopori hasrat memajukan dan memerdekakan wanita Indonesia yang telah menganjurkan gabungan antara mereka. Dalam mesyuarat terbuka ini telah dibicarakan masalah yang berikut :

- (i) Kedudukan wanita dalam perkahwinan (seperti wanita dipilih, dikahwini dan dicerai tanpa persetujuan mereka).
- (ii) Poligami.
- (iii) Peluang yang sama untuk mendapat pendidikan bagi lelaki dan wanita (*equal access to education*).

Segala persoalan ini menimbulkan pertentangan pendapat antara golongan nasionalis dan Kristian pada satu pihak dan juga golongan Islam, tetapi secara amnya terdapat persetujuan untuk memajukan kaum wanita Indonesia.

Dalam kongres KOWANI I keputusan diambil untuk mendirikan Badan Permufakatan perkumpulan-perkumpulan wanita dengan nama "*Perikatan Perkumpulan Perempuan Indonesia*" (PPPI) pada tahun 1928. Tujuannya adalah untuk memberikan penerangan kepada perkumpulan yang bergabung di dalamnya. PPPI, memberi dermasiswa (*study fund*) kepada anak-anak perempuan yang pandai

tetapi tidak berkemampuan daripada segi kewangan, mengadakan kursus-kursus tentang kesihatan, membanteras perkahwinan kanak-kanak dan menggalakkan perpaduan antara anak-anak perempuan.

Kongres ini merupakan sejarah baru bagi pergerakan wanita Indonesia yang berjaya mewujudkan kerjasama sesama mereka demi kemajuan wanita khasnya dan masyarakat Indonesia pada amnya. Nilai utama kesatuan pergerakan wanita Indonesia ketika ini berasaskan nasionalisme dan menjadi sebahagian daripada matlamat pergerakan kebangsaan Indonesia. Kesatuan pergerakan wanita Indonesia ini tidak bersifat menentang golongan lelaki tetapi lebih mengutamakan kerjasama untuk menghadapi penjajah dan bersama-sama menuntut kemerdekaan Indonesia.

Daripada segi sejarah, gabungan perkumpulan-perkumpulan itu telah mengalami pelbagai perubahan dalam usaha mencari bentuk organisasi yang lebih sesuai dengan perubahan zaman. Nama gabungan misalnya berubah daripada “Perikatan Perkompoelan Perempoean Indonesia” pada tahun 1928 kepada “Perikatan Perkoempoelan Isteri Indonesia” (PPII) pada tahun 1929 dan “Kongres Perempoean Indonesia” (KPI) pada tahun 1935.

Perubahan nama terus berlaku pada tahun 1946 iaitu selepas zaman penubuhan kerajaan Indonesia kepada “Kongres Wanita Indonesia” (KOWANI) sehingga masa kini (Sukanti Suryochondro, 1984:90). Antara sebab perubahan nama ini termasuklah perkembangan bahasa Indonesia, akan tetapi yang lebih penting ialah perubahan pada struktur organisasi yang berkaitan dengan perkembangan yang berlaku dalam setiap perkumpulan yang bergabung.

Pada permulaannya, iaitu pada tahun 1928, gabungan ini terdiri daripada 30 perkumpulan terdiri daripada perkumpulan tempatan dan cawangan sesuatu perkumpulan yang sudah berkembang di beberapa tempat. Pengurus gabungan disusun seperti pengurus perkumpulan biasa iaitu, ketua, naib ketua, setiausaha dan bendahari. Tidak lama kemudian struktur ini dirasakan tidak memuaskan kerana cawangan perkumpulan-perkumpulan bertambah. Lantaran itu syarat keanggotaan gabungan turut dipinda, termasuklah hubungan antara pimpinan gabungan dengan perkumpulan-perkumpulan yang menjadi anggota. Syarat-syarat keanggotaan juga berubah-ubah mengikut perkembangan organisasi-organisasi. Dalam menangani perubahan-perubahan ini KOWANI sentiasa berusaha mendengar pendapat perwakilan dan memberi pertimbangan yang sebaik mungkin sebelum membuat keputusan.

Sejak tahun 1946 KOWANI telah menjadi anggota *Women's International Democratic Federation*. Kerjasama dengan pertubuhan pada peringkat antarabangsa diwujudkan kerana KOWANI menyedari bahawa bagi mencapai cita-cita memajukan wanita Indonesia, persoalan emansipasi wanita tidak boleh dihadkan perjuangan dan perbincangannya dalam negara sahaja kerana persoalan ini merupakan juga persoalan antarabangsa. Wakil-wakil KOWANI selalu mengikuti persidangan dan seminar-seminar antarabangsa yang mempunyai hubungan dengan emansipasi wanita, bahkan KOWANI menjadi penyokong kepada Konferensi Wanita Asia Afrika di Colombo pada tahun 1958⁶. Wakil-wakil KOWANI telah meninjau negara-negara lain dan KOWANI juga turut menerima lawatan/kunjungan tokoh-tokoh wanita dari negara-negara itu. Ini memberikan makna yang sangat mendalam bagi perkembangan KOWANI selanjutnya. Meskipun terjadi pelbagai perubahan pada nama, struktur organisasi dan matlamatnya, namun kedudukan KOWANI menjadi semakin mantap

⁶ Data diperolehi melalui kaedah Pengamatan penyertaan pada tahun 2000 di Muzium Pergerakan Wanita Yogyakarta.

dari semasa ke semasa. Perubahan-perubahan itu berlaku disebabkan perluasan ruang lingkup dalam kegiatan KOWANI, dan juga kerana KOWANI perlu melakukan penyesuaian dengan perubahan-perubahan dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, pada dasarnya badan gabungan yang dinamakan "Perikatan Perkoempoelan Perempoean Indonesia (PPPI)" yang dibentuk pada Kongres Perempuan Indonesia yang pertama pada 22 Disember 1928 adalah organisasi yang sama dengan badan yang dinamakan KOWANI. Mengikut Sujatin Kartowijono (1982:250) perubahan nama organisasi daripada Kongres Perempuan Indonesia kepada Kongres Wanita Indonesia (KOWANI) ditetapkan pada Kongres KOWANI ke lima pada 24-26 Februari 1946 di Solo (Sukanti Suryochondro, 1984:207). Semenjak itulah nama organisasi ini dinamakan KOWANI yang kekal sehingga kini sebagai badan payung yang menggabungkan semua organisasi wanita Indonesia.

Meskipun sejak tahun 1928 hingga tahun 2006 negara Indonesia mengalami pelbagai bentuk perubahan politik yang mempengaruhi parti serta pergerakan pemuda, pergerakan wanita dan pergerakan buruh, di samping turut menimbulkan perpecahan dalam kesatuan pergerakan wanita di Indonesia, namun ia tidak membawa kepada perpecahan yang serius. Apa jua konflik dalam KOWANI akibat pergerakan politik, tidak membawa kepada perpecahan asas dalam organisasinya sehingga kini. Faktor utama kepada kekuatan ini adalah asas ideologi nasionalisme KOWANI yang lebih mementingkan perpaduan nasional untuk mengatasi segala perpecahan. Aspek ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bahagian tentang kemampuan KOWANI mengatasi konflik perpecahan yang datang dari dalam dan luar organisasi.

Kini, KOWANI berpusat di Jakarta, Republik Indonesia dan pergerakannya masih tetap didasari oleh sukarelawan organisasi wanita sejak dari awal kelahirannya sehingga kini. Organisasi ini meraih penghargaan daripada pemerintah kerana dilihat

sebagai salah satu mekanisme yang membawa kepada perkembangan pergerakan wanita pada peringkat nasional dan antarabangsa. Jadual 1.1 berikutnya menyenaraikan jenis dan nama pertubuhan yang menjadi ahli KOWANI dari tahun 1999 sehingga 2006.

Jadual 1.1: Ahli KOWANI dan Klasifikasi Pertubuhan Ahli KOWANI (78 Pertubuhan Wanita) Pada Tahun 1999-2006

Klasifikasi dan Nama Pertubuhan		Tahun Tubuh	Tahun Penyertaan Dalam KOWANI	Peratus Jenis Pertubuhan Dalam KOWANI
Pertubuhan Kebajikan	1. Pikat	1917	1951	
	2. Wanita Sahati	1928	1953	
	3. Perwati	1929	1979	
	4. Pasundan	1930	1930	
	5. Putri Narpowandowo	1931	1947	
	6. Perwari	1945	1946	
	7. Perwita Wana Kencana	1945	1993	
	8. Persit Kartika Chandra Kirana	1946	1952	
	9. Jalasenastri	1946	1961	
	10. Budi Istri	1947	1948	
	11. Bhayangkari	1949	1952	
	12. Rukun Wanita Indonesia	1950	1953	
	13. Perwanas	1951	1951	
	14. Persatuan Istri Insinyur Indonesia	1951	1980	
	15. Keluarga Widuri	1951	1981	
	16. Gerakan Wanita Sejahtera	1952	1956	
	17. Dharma Wanita DEPDAGRI	1953	1958	
	18. Dharma Wanita Parpostel	1953	1964	
	19. Ikatan Istri Dokter Indonesia	1954	1964	
	20. Persatuan Istri Dokter Hewan Indonesia	1954	1994	
	21. Darma Wanita PT. Kereta Api Indonesia	1955	1956	
	22. Persatuan Istri Tehnisi Indonesia	1955	1956	
	23. Dharma Wanita Departemen Luar Negeri	1955	1967	
	24. Pia Ardhya Garini	1956	1957	
	25. Powsa	1956	1957	
	26. Wanita Kosgoro	1957	1975	

	27. Departemen Wanita Pepabri	1959	1983	
	28. Wanita MKGR	1960	1979	
	29. Ikatan Keluarga Wartawan Indonesia	1961	1961	
	30. Wanita Swadiri	1963	1981	
	31. Piveri	1964	1967	
	32. Dharma Wanita Depart Hubungan Laut	1964	1971	
	33. Persatuan Istri Angkatan Bersenjata R.I.	1964	1960	
	34. Dharma Wanita Depdikbud	1973	1979	
	35. Dharma Wanita Kejaksaan Agung	1965	1973	
	36. Wanita Satya Praja	1965	1973	
	37. Dharma Wanita Depen	1966	1970	
	38. IKKT	1966	1988	
	39. Kerta Werdatama	1978	1979	
	40. FKPPi Bagian Wanita	1978	1988	
	41. Kowaveri	1979	1981	
	42. Himpunan Wanita Karya	1981	1981	
	43. Wanita AMPI	1981	1986	
	44. Wanita Panca Marga	1981	1993	
	45. Wirawati Catur Panca	1983	1988	
	46. Wanita Pembangunan Indonesia	1991	1994	
	47. Wanita Pelopor Penerus Kemerdekaan Bangsa Indonesia (PPKBI)	1997	1998	
	48. Himpunan Penyandang Cacat Indonesia	1998	1999	
	49. Wanita Nasional	-	1964	
	50. Wanita Rakyat	-	1964	
Jumlah Pertubuhan : 50				64.1 %
Pertubuhan Agama	1. Aisyiah	1917	1928	
	2. Wanita Katolik Republik Indonesia	1924	1928	
	3. Wanita Perti	1930	1950	
	4. Pers Wanita Kristen Indonesia	1946	1946	
	5. Muslimat Nahdatul Ulama	1946	1956	
	6. Fatayat NU	1950	1988	
	7. Wanita GUPPI	1950	1993	
	8. Wanita Syarikat Islam	1953	1953	
	9. Korp. Pergerakan Mahasiswa Islam Indonesia Putri (KOPRI)	1960	1993	
	10. Wanita Islam	1962	1964	
	11. Dharma Wanita Departemen Agama	1964	1968	
	12. Wanita Shufiah	1966	1988	
	13. KOHATI Pengurus Besar Himpunan	1966	1966	

	Mahasiswa Islam 14. Al-Hidayah 15. Wanita Budhis Indonesia 16. Korps Wanita Majelis Dakwah Islamiyah	1978 1984 1998	1986 1987 1999	
Jumlah Pertubuhan : 16				20.5 %
Pertubuhan Profesional	1. Wanita Taman Siswa 2. Pers Wanita Keluarga Universitas Gadjah Mada 3. Ikatan Bidan Indonesia 4. Ikatan Sarjana Wanita Indonesia 5. Wanita Persahi 6. Ikatan Sarjana Farmasi Indonesia 7. Ikatan Wanita Pengusaha Indonesia 8. Wanita Himpunan Kerukunan Tani Indonesia 9. Wanita Persatuan Guru Republik Indonesia 10. Persatuan Wanita Penulis Indonesia 11. Yatnawati Kertini 12. Dian Kemala	1922 1951 1951 1956 1962 1971 1975 1979 1984 1998 1963 1999	1928 1951 1951 1956 1964 1988 1979 1986 1986 1999 2000 2000	
Jumlah Pertubuhan Profesional : 12				15.38 %

Jadual 1.1 menunjukkan bahawa majoriti ahli KOWANI terdiri daripada pertubuhan kebajikan sebanyak 64.1 %, pertubuhan agama sebanyak 20.5 % dan 15.38 % pertubuhan profesional. Data ini jelas menunjukkan bahawa ada organisasi yang masih kekal menjadi anggota KOWANI sejak tahun 1928 hingga 2006. Terdapat juga beberapa ahli pertubuhan yang sudah dibubarkan pada zaman kolonial dan pada masa pasca kolonial.

Jadual 1.2: Penyertaan dalam KOWANI

Zaman	Jumlah	Peratusan
Kolonial	4 Organisasi	5.12 %
Pasca Kolonial: Sukarno Suharto	33 Organisasi 35 Organisasi (Jumlah : 68)	42.30 % 44.87 % (Jumlah : 87.17%)
Reformasi	6 organisasi	7.69 %

Jadual 1.2 pula menunjukkan bilangan pertubuhan wanita yang menyertai KOWANI. semasa zaman kolonial, pasca kolonial dan reformasi. Peratusan keahlian yang terbanyak sekali berlaku pada masa pascakolonial iaitu 87.17 % daripada keseluruhan jumlah pertubuhan yang menyertai KOWANI. Semasa reformasi hanya 7.69 % yang memasuki menjadi ahli manakala yang paling sedikit adalah semasa kolonial iaitu 5.12 %. Sehingga kini hanya tinggal empat organisasi yang menjadi anggota KOWANI semasa kolonial yang masih kekal sebagai ahli kerana yang lainnya telah dibubarkan. Pada zaman Sukarno hanya 33 organisasi wanita yang masih menyertai KOWANI, begitu juga pada masa Suharto hanya 35 organisasi yang masih kekal menjadi ahli KOWANI sehingga kini.

Jadual 1.3: Menyertai KOWANI Zaman Kolonial

Jenis Organisasi	Bilangan	Peratus
Profesional	1 Organisasi	25 %
Kebajikan	1 Organisasi	25 %
Agama	2 Organisasi	50 %
Jumlah Keseluruhan	4	100 %

Jadual 1.3 menunjukkan bahawa majoriti daripada organisasi wanita yang menyertai KOWANI pada zaman kolonial terdiri daripada organisasi agama iaitu 50 %, manakala selebihnya terdiri daripada pertubuhan professional dan kebajikan, masing-masing 25%.

Jadual 1.4: Menyertai KOWANI Pasca Kolonial

Jenis Organisasi	Bilangan	Peratus
Profesional	8 Organisasi	11.76 %
Kebajikan	47 Organisasi	69.11 %
Agama	13 Organisasi	19.11 %
Jumlah Keseluruhan	68 Organisasi	100 %

Keanggotaan KOWANI pasca kolonial menunjukkan corak jenis keahlian yang berbeza jika dibandingkan dengan zaman kolonial. Jadual 1.4 menunjukkan majoriti

organisasi wanita yang menyertai KOWANI selepas kolonial terdiri daripada organisasi kebajikan, iaitu 69.11 %, sedangkan organisasi agama 19.11 % dan organisasi profesional hanya 11.76 %.

Jadual 1.5: Menyertai KOWANI Semasa Reformasi

Jenis Organisasi	Bilangan	Peratus
Profesional	3 Organisasi	50.00 %
Kebajikan	2 Organisasi	33.33 %
Agama	1 Organisasi	16.67 %
Jumlah Keseluruhan	6 Organisasi	100 %

Jadual 1.5 jelas menunjukkan bahawa majoriti daripada organisasi wanita yang menyertai KOWANI pada masa reformasi terdiri daripada pertubuhan profesional (50 %), manakala organisasi kebajikan 33.33 % dan organisasi agama 16.67 %. Sebagai kesimpulannya, ahli KOWANI dari tahun 1928-2006 lebih banyak bersifat organisasi kebajikan yang kesemuanya bersepadu untuk pembangunan wanita Indonesia (*women in developmen/WID*). Agenda utama WID adalah bagaimana melibatkan kaum wanita dalam kegiatan pembangunan. Pendekatan WID mengandaikan bahawa wanita ketinggalan di belakang dalam pembangunan kerana mereka tidak terlibat dalam proses pembangunan (Mansour Fakih, 1996:60). Ini boleh dilihat pada dua aspek iaitu:

- (i) Pertumbuhan perkembangan KOWANI sangat pesat pada masa pascakolonial. Bilangan persatuan yang ditubuhkan dan penyertaan sebagai ahli KOWANI begitu banyak dan pesat pada masa itu terutama sekali pada masa pemerintahan Presiden Suharto.
- (ii) Daripada segi corak dan jenis organisasi yang menyertai KOWANI berbeza dalam setiap zaman. Pada zaman kolonial organisasi yang paling banyak menyertai KOWANI ialah organisasi agama manakala pada masa pasca kolonial ialah organisasi kebajikan manakala pada masa reformasi KOWANI lebih diwarnai oleh organisasi profesional.

Kriteria memasuki KOWANI tidaklah begitu ketat. Sesuatu organisasi itu mestilah organisasi kemasyarakatan peringkat Nasional, berasaskan Pancasila dan sekurang-kurangnya organisasi itu harus memiliki cawangan di 20 buah negeri di seluruh Indonesia.

Walaupun Indonesia merupakan satu negara yang begitu luas namun KOWANI berjaya menempatkan dirinya hampir di kesemua kawasan utama. Pada tahun 2006 KOWANI memiliki cawangan di seluruh Indonesia iaitu di kesemua 33 propinsi, satu daerah istimewa dan khusus ibukota Jakarta, dua daerah istimewa (Yogyakarta dan Aceh). Pada peringkat provinsi cawangannya dikenali dengan nama Badan Kerjasama Organisasi Wanita (BKOW).yang terdapat di provinsi Daerah Khusus Jakarta, Banten, Jawa Barat, Jawa Tengah, D.I. Yogyakarta, Jawa Timur, Bali, Nusa Tenggara Timur, Nusa Tenggara Barat, Sumatera Utara, Sumatera Barat, Sumatera Selatan, Aceh, Riau, Kepulauan Riau, Jambi, Lampung, Bengkulu, Bangka Belitung, Kalimantan Barat, Kalimantan Selatan, Kalimantan Timur, Kalimantan Tengah, Kalimantan Utara, Sulawesi Selatan, Sulawesi Utara, Sulawesi Tenggara, Sulawesi Tengah, Gorontalo, Maluku, Maluku Utara, Papua dan Irian Jaya Barat. Pada peringkat propinsi pula cawangan dipanggil Gabungan Organisasi Wanita (GOW) dan ditempatkan di kota diseluruh propinsi Indonesia.

Daripada segi struktur organisasi KOWANI merupakan gabungan pelbagai organisasi wanita Indonesia pada peringkat nasional. Kongres KOWANI yang diadakan lima tahun sekali merupakan tempat penting membuat keputusan polisi dan tuju arah pergerakan KOWANI. Kongreslah yang membuat keputusan tentang Anggaran Dasar (AD), Anggaran Rumah Tangga (ART), Kebijakan dan Program Umum, menilai kegiatan dan memilih Dewan Pengurus KOWANI yang baru. AD ialah dasar organisasi yang menjadi panduan hala tuju organisasi, sedangkan ART ialah peraturan dalaman organisasi yang harus dipatuhi oleh ahli KOWANI.

Dewan Pengurus (*Management Committee*) KOWANI dan Organisasi Anggota KOWANI sebagai peserta (*delegates*) terdiri daripada:

- (i) Badan Kerjasama Organisasi Wanita (BKOW peringkat negeri).
 - (ii) Gabungan Organisasi Wanita (GOW peringkat daerah) sebagai perwakilan.
- Sejak penubuhan KOWANI pada tahun 1928 sehinggalah sekarang, susunan pengurusan KOWANI berubah-ubah baik daripada segi jumlah pengurus mahupun struktur hierarki kerja supaya sentiasa sesuai dengan keperluan zaman yang berbeza. Dalam kajian ini penyelidik hanya mengemukakan tiga contoh susunan pengurusan KOWANI pada awal kewujudan KOWANI, pada awal kemerdekaan Indonesia (selepas kolonial) dan susunan pengurusan KOWANI terkini.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini bertujuan mengkaji sebab-sebab KOWANI sebagai sebuah organisasi yang lestari pada setiap zaman pemerintahan dan mengenalpasti faktor-faktor yang menyokong proses kelestarian KOWANI. Tumpuan utama tesis ini ialah mengkaji faktor-faktor di sebalik kelestarian (*survival*) KOWANI sejak dari zaman kolonial sehingga zaman selepas kolonial dan masa kini. Kelestarian bermaksud keadaan yang terpelihara/tetap/kekal/seperti yang asal (Kamus Dewan, 2002:803).

Dalam sejarah Indonesia sememangnya terdapat pelbagai pertubuhan wanita lain yang wujud pada era kolonial tetapi tidak lestari kerana hampir semuanya pupus atau dibubarkan oleh penjajah kerana pertubuhan-pertubuhan tersebut dilihat sebagai mengancam kedudukan mereka. Antara pertubuhan tersebut adalah Wanita Utomo, Pusat Mardika, Putri Indonesia, Jong Islamietend Bond Dames Afdeeling dan Jong Java Dames Afdeeling (KOWANI, 1978:19). Terdapat juga pertubuhan wanita yang ditubuhkan pada era pascakolonial seperti pertubuhan Gerakan Wanita Indonesia

(GERWANI) tetapi dibubarkan oleh pihak pemerintah Indonesia kerana disyaki terbabit dengan Parti Komunis Indonesia.

Sebelum KOWANI tidak wujud walau satu pun organisasi payung bagi organisasi wanita yang boleh bertahan (lestari) sebegitu lama sebagaimana KOWANI. Misalnya, Koalisi Perempuan Indonesia yang ditubuhkan pada 17 Disember 1998 pada era reformasi juga merupakan satu gabungan daripada pelbagai kumpulan ahli tetapi keahliannya secara perseorangan ataupun golongan dan bukan sebagai badan-badan organisasi⁷. Ahli-ahli pertubuhan KOWANI yang masih bertahan ialah pertubuhan Aisyiyah, Wanita Taman Siswa dan Wanita Katolik.

Selain daripada KOWANI terdapat beberapa payung organisasi pemuda dan buruh yang mirip KOWANI iaitu KNPI dan Federasi Buruh Seluruh Indonesia yang ditubuhkan pada era selepas penubuhan kerajaan merdeka Indonesia. Satu contoh ialah organisasi pemuda seperti Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI) yang merupakan payung bagi organisasi pemuda Indonesia. Namun tempoh kewujudannya tidak selama KOWANI. KNPI ditubuhkan pada 23 Julai 1973 pada masa pemerintahan Suharto berdasarkan resolusi daripada Sumpah Pemuda yang menekankan pentingnya satu bahasa, satu bangsa dan satu tanah air. Lahirnya KNPI pada awalnya adalah untuk menjadi media komunikasi dan persaudaraan di kalangan generasi muda. Pergerakan pertubuhan ini sering menerima halangan dan tekanan daripada pemerintah yang bimbang KNPI akan menjadi satu pertubuhan independen, kritis dan berpihak kepada kepentingan rakyat (Ichwan Ar, 2001:1). Namun pada zaman pemerintahan Suharto KNPI telah menjadi anak kandung Orde Baru (ORBA) dan diberi peranan untuk membentuk penyertaan politik di kalangan generasi muda supaya selari dengan kekuasaan politik pemerintah.

⁷ Untuk huraian terperinci, sila rujuk, [http://www.koalisiperempuan.or.id/def menu.asp?menuId=2&menu Type=0/](http://www.koalisiperempuan.or.id/def%20menu.asp?menuId=2&menuType=0/) diakses pada 23-5-2006.